

# Bersungkaik bersama anak yatim RPN Rimba

Berita dan Foto : Aimi Sani

RIMBA, Jumaat, 25 Mei. - Giant Hypermart Tasik Rimba menganjurkan Majlis Bersungkaik bersama Anak-Anak Yatim Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba bertempat di Ruang Pameran pasar raya tersebut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mislle bin Haji Abdul Karim.

Pengurus pasar raya tersebut, Pengiran Hajah Refiah binti Pengiran Haji Sabtu dalam ucapannya berkata, majlis itu merupakan projek tahunan pasar raya berkenaan selain merupakan sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat, yang bertujuan untuk membantu anak-anak yatim

dan meringankan beban keluarga mereka dalam membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak diikuti dengan penyampaian derma kepada seramai 87 anak-anak yatim RPN Rimba oleh tetamu kehormat majlis.

Derma berupa wang, barang-barang keperluan asas dan makanan yang mana para penderma adalah terdiri daripada para penyewa kedai di pasar raya berkenaan serta individu-individu yang tampil untuk menderma.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Mislle bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba.

## Peserta YEP anjur Majlis Khatam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



PEGAWAI-PEGAWAI Program Eksekutif Muda (YEP) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Surau Al-Shafii, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Mei. - Bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini, Pegawai-pegawai Program Eksekutif Muda (YEP) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran pada Khamis 24 Mei di Surau Al-Shafii, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Hadir di majlis tersebut, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dayang Hajah Noor Airah binti Abd Rahman.

Juga hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Perkhidmatan Awam.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat lazim diikuti bacaan Tahtim dan Dikir Asyarakal.

Manakala, bacaan Khatam Al-Quran diketuai oleh Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial, wakil dari Program Eksekutif Muda Kohort Pertama.

Bacaan Takhtim dibacakan oleh Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop, wakil dari Program Eksekutif Muda Kohort Kedua.

Majlis diserikan dengan laungan zikir diketuai oleh Awangku Haji Mohammad Nadhir Aqil bin Pengiran Mohd Anuar, wakil dari Program Eksekutif Muda Kohort Ketiga.

Majlis diselenggarakan dengan Sesi Tazkirah disampaikan oleh Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Awang Yusoff, dari Program Eksekutif Muda Kohort Kedua dengan tazkirah 'Pentingnya Solat' dan diakhiri dengan acara berbuka puasa beramai-ramai serta diteruskan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah.

Antara tujuan Majlis Khatam Al-Quran itu, adalah untuk mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, di samping mengeratkan hubungan silaturahim yang sedia ada di antara pegawai-pegawai dari YEP ini.

## Cegah jenayah bersama Ahli Pengawasan Kejiranan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Jumaat, 25 Mei. - Daerah Polis Tutong terus memprogiatkan rondaan pencegahan jenayah dengan gandingan di antara keanggotaan 'Focal Point' Pengawasan Kejiranan (PK) Balai Polis Lamunin bersama ahli PK Kampung Bukit Tutong pada 23 Mei 2018.

Seramai 11 ahli PK Kampung Bukit menyertai rondaan tersebut yang diketuai oleh Ketua Kampung Bukit, Awang Haji Muhammad Shadiqin bin Abdullah Janja.

Rondaan dijalankan di kawasan sepanjang Jalan Kampung Bukit dan kawasan-kawasan di bawah jagaan Ketua Kampung Bukit, bagi memastikan kawasan kampung dalam keadaan selamat dari sebarang kegiatan-kegiatan jenayah.

Sementara itu, Balai Polis Seria, Daerah Polis Belait juga menggerakkan Operasi Rondaan Pencegahan Jenayah bersama ahli-ahli PK Kampung

Panaga 2000, Seria.

Mengetuai rondaan berkenaan ialah Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Seria, Inspektor Muhammad Ajib bin Haji Ahmad Awal bersama empat anggota dari Balai Polis Seria.

Turut hadir dari PK Kampung Penaga 2000 ialah Timbalan Pengerusi PK RPN Kampung Panaga, Awang Zaleha bin Lahap bersama tiga ahli PK RPN Kampung tersebut.

Dengan adanya rondaan pencegahan jenayah bersama PK yang seumpama

ini dihasratkan dapat meningkatkan kewaspadaan masyarakat, dalam sama-sama memastikan keselamatan kawasan di kampung mereka bebas jenayah dan agar penduduk kampung tidak camah mata, dalam memberikan kerjasama mencegah jenayah di kawasan jagaan kampung masing-masing.

Pasukan Polis Diraja Brunei juga mengambil kesempatan mengalu-alukan para belia dari pelbagai peringkat umur untuk menyertai dan turut sama memberi sokongan terhadap program PK di kampung masing-masing.



RONDAAN jenayah sepanjang Jalan Kampung Bukit dan sekitarnya disertai oleh ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Bukit.

## Tahukah Awda

Selaras dengan usaha Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk menyediakan lebih banyak kemudahan kepada para pelanggan, BIBD hari ini memperluaskan rangkaian perbankan self-service dengan pembukaan ATM ke-64 yang terletak di Kompleks Membeli-Belah Mabohai, Jalan Kebangsaan, Kampung Mabohai.

BIBD kini mempunyai rangkaian cawangan dan ATM terbesar di negara ini dan bank tersebut turut dilengkapi dengan aplikasi digital mudah alih dan juga dalam talian iaitu BIBD NEXGEN termasuk pusat panggilan yang berfungsi 24/7 dengan ciri interaksi mudah Alih.

SUMBER: Siaran Akhbar Bank Islam Brunei Darussalam, 22 Mei 2018.



ePaper Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSEDEKAH DAPAT MENDIDIK HATI KE ARAH KETAKWAAN

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.